

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselor)

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 6/3/2016

Muka surat: 7

Tajuk : Pengamal perubatan di Sarawak perlu kuasai empat bahasa

# Pengamal perubatan di Sarawak perlu kuasai empat bahasa

**KUCHING:** Pengamal perubatan, jururawat dan pelatih perubatan perlu berusaha menguasai sekurang-kurang empat bahasa untuk membantu memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat di sini.

Menteri Muda Kesihatan Awam Datuk Dr Jerip Susil berkata, ini bagi memudahkan pengamal perubatan memenuhi perubahan dikehendaki masyarakat berbilang bangsa dan agama di sini.

"Kemahiran berkomunikasi amat penting, dan sekurang-kurangnya pengamal perubatan atau jururawat kita menguasai empat bahasa iaitu termasuk bahasa ibunda, bahasa Malaysia, bahasa Inggeris atau Mandarin.

"Menerusi pengalaman saya sendiri, ramai pesakit bercakap

dalam bahasa Iban dan boleh diangkat menjadi bahasa kelima supaya komunikasi antara pesakit dan pengamal perubatan mudah," katanya.

Beliau berkata demikian semasa Persidangan Kejururawatan UNIMAS ketujuh itu di sini semalam.

Pada masa sama, Jerip berharap jururawat terlatih ini berupaya memasarkan diri dalam dunia pekerjaan dalam perkhidmatan perubatan di luar negara.

Lebih kurang 500 peserta termasuk perwakilan Singapura, Brunei dan Semenanjung Malaysia turut mengambil bahagian dalam persidangan tersebut.

Dr Jerip berpendapat bahawa jururawat terlatih di negeri ini boleh mencuba nasib di negara luar seperti Singapura, Arab Sau-

di, New Zealand dan Australia.

Beliau berkata industri kejururawatan bakal berkembang memandangkan populasi negara tua sedang melanda seluruh dunia.

"Ia bukan sahaja melanda negara maju bahkan juga negara yang sedang membangun seperti Malaysia sendiri," katanya.

Pada majlis sama, beliau turut menyerahkan replika cek bernilai RM20,000 kepada Persatuan Alumni Perubatan dan Kejururawatan UNIMAS di sini.

Turut hadir sama semalam ialah Timbalan Naib Canselor UNIMAS, Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman, Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UNIMAS, Profesor Dr Ahmad Hata Rasit dan Ketua Jabatan Kejururawatan UNIMAS, Dr Zabidah Putit.